

MAKLUMAN

KAJIAN PROJEK TAHUN AKHIR MERUPAKAN HASIL
PENYELIDIKAN PERIBADI PENULIS.

SEGALA KEKURANGAN HENDAKLAH DIANGGAP SEBAGAI
KESILAPAN YANG TIDAK DAPAT DIELAKKAN.

TERIMA KASIH.

JABATAN PENGURUSAN HARTA TANAH
KAJIAN SENIBENA, PERANCANGAN DAN UKUR
INSTITUT TEKNOLOGI MARA
SHAH ALAM.



TP00002442

**KAJIAN SENIBENA, PERANCANGAN DAN UKUR
JABATAN PENGURUSAN HARTANAH**

***SISTEM MAKLUMAT BERKOMPUTER DALAM
PEREJENAN HARTA TANAH
(PERISIAN DBASE III PLUS)***

**Satu Projek Yang Disediakan Sebagai Memenuhi Sebahagian
Daripada Syarat Untuk Penganugerahan
DIPLOMA LANJUTAN PENGURUSAN HARTANAH**

**DISEDIAKAN OLEH : AZHARUDIN BIN HAJI MOHD. ARIFFIN
TAHUN AKADEMIK : MEI 1990 / 91**

PENGHARGAAN

**DENGAN NAMA ALLAH YANG MAHA PEMURAH
LAGI MAHA PENYAYANG**

Saya mengambil kesempatan di sini untuk merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada penyelaras saya, Puan Sariah Ibrahim yang telah banyak memberi bimbingan, bantuan dan sokongan dalam menjayakan dissertasi ini.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Encik Baharudin Mohd. Hanipah, Pegawai Penilaian, Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan Harta Negeri Selangor serta rakan-rakan sekursus yang terlibat dalam menyediakan projek ini.

Akhirnya, penghargaan yang tidak terhingga dirafakkan kepada ayahanda dan bonda yang sentiasa mendoakan kejayaan puteranya.

Sekian, wassalam.

25 APRIL 1991

10 SYAWAL 1411

RINGKASAN PROJEK

PENGENALAN

Peranan maklumat dalam sesuatu organisasi moden dewasa ini tidak boleh diperkecilkan. Kejituan dan ketepatan maklumat-maklumat yang dihasilkan boleh membantu mendapatkan keputusan yang baik dan tepat. Data-data yang didapati perlu dikumpul, dipilih, diolah dan diuji secara saintifik bagi memastikan maklumat yang dihasil benar-benar berguna, sesuai dengan keputusan yang akan diambil. Tidak dapat tidak, tindak tanduk para pelaksana keputusan sangat dipengaruhi oleh sistem yang melibatkan proses-proses sepertimana yang dinyatakan di atas.

Penggunaan sistem maklumat berkomputer dalam bidang perejean harta tanah merupakan suatu pendekatan baru bertepatan dengan kemajuan dan peningkatan di dalam teknologi komputer. Hal ini merupakan suatu era baru dalam bidang ini yang bergantung sepenuhnya pada pengumpulan, pengolahan, penggunaan dan penyampaian data.

Sebagaimana kita sedia maklum, sistem maklumat yang diamalkan oleh sesetengah agensi perejean harta tanah masih menggunakan sistem *manual*. Menerusi sistem ini data-data yang diterima akan direkodkan dan disimpan di dalam fail-fail tertentu. Fail-fail ini kemudiannya ditempatkan di dalam kabinet-kabinet yang sememangnya disediakan khas bagi tujuan penyimpanan. Apa yang jelas, pengendalian sistem maklumat secara *manual* ini sudah tidak berkesan lagi akibat dari penambahan maklumat-maklumat yang semakin banyak. Kerja-kerja pencarian agak sukar untuk dikendalikan disamping melibatkan kos, tenaga dan masa yang banyak.

Justeru itu bagi mencapai keberkesanan dan kecekapan yang tinggi di dalam sistem yang diamalkan maka penggunaan komputer di dalam bidang ini adalah merupakan alternatif terbaik untuk mengendalikan maklumat-maklumat yang banyak dalam masa yang singkat dan terhad.

Objektif penulisan dessertasi ini adalah untuk mengemukakan cadangan bagaimana suatu sistem penyimpanan maklumat baru menggunakan komputer dapat dibentuk bagi menggantikan sistem *manual* terutama untuk melicinkan tugas-tugas yang terlibat di dalam bidang perejean harta tanah.